

# e-Lingua 1/2025

JANUARY 2025



Academy of Language Studies  
UiTM Cawangan Pulau Pinang



## Table of contents



<u>From the Editorial Team</u>	3
<u>Department News &amp; Reports</u>	4
<u>Club News &amp; Report</u>	27
<u>Self-Love First</u>	39
<u>Travelling</u>	46
<u>Home Garden</u>	58
<u>Teaching &amp; Learning</u>	64
<u>Lecturer's Contribution</u>	68
<u>Creative Writing</u>	81
<u>The Team</u>	90



## Penerimaan Anugerah Pingat Kelakuan Terpuji 2024

Oleh: Hoe Foo Terng

Pensyarah kanan Akademi Pengajian Bahasa Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang iaitu Profesor Madya Dr. Hoe Foo Terng telah dianugerahi PINGAT KELAKUAN TERPUJI [P.K.T] sempena sambutan Hari Ulang Tahun Ke-75 Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 1 Ogos 2024 di Dewan Sri Pinang. Bagi memastikan istiadat berkenaan berjalan dengan sempurna, Dr Hoe telah diminta untuk menghadiri sesi raptai pada pukul 8 pagi 29 Julai 2024. Raptai mengambil masa lebih kurang 3 jam dan tamat pada pukul 11 pagi. Pada sesi raptai tersebut semua penerima pingat dan anugerah telah diberi taklimat tentang cara berjalan, menghadap serta menerima pingat.

Istiadat penganugerahan darjah kebesaran, bintang dan pingat kehormatan negeri Pulau Pinang (DKBP) tahun 2024 dijalankan selama 4 hari. Penganugerahan pingat PKT Dr. Hoe telah diadakan pada hari terakhir iaitu 1hb Ogos 2024. Istiadat dimulakan pada pukul 9 pagi. Walaupun majlis bermula pada jam tersebut, penerima pingat dan anugerah diwajibkan untuk mendaftar dan mengambil tempat di dewan seawal pukul 8 pagi. Sesi penganugerahan pingat pada 1 Ogos 2024 telah berlangsung selama 2 setengah jam dan tamat pada pukul 11.30 pagi. Selepas istiadat penganugerahan pingat, penerima diberi peluang untuk mengambil gambar perseorangan di dewan dan menikmati jamuan yang tersedia. Sebelum bersurai, penerima dikehendaki untuk pergi ke kaunter pendaftaran bagi memulangkan cangkuk pingat dan mendapatkan sijil anugerah.